



KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat** yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam bidang yang tersebut di bawah:

NO. TENDER / TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (WAJIB)	SYARAT-SYARAT AM
MDI/FM/KW/476-TP001/2026 TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL TENAGA KERJA BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA PENYELIDIKAN DI PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PADI BAGI TEMPOH 12 BULAN DI MARDI SEBERANG PERAI, PULAU PINANG	221104 (Guna Tenaga-Tenaga Buruh)	RM100.00	Tarikh: 15 Januari 2026 Masa: 9.30 Pagi Tempat: Bilik Mesyuarat MARDI Seberang Perai, Pulau Pinang	Petender hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut: a) Mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat oleh MOF kod bidang 221104 b) Sijil Taraf Bumiputera oleh MOF (jika berkaitan) c) Hanya penama yang dinamakan dalam sijil MOF sahaja yang boleh menghadiri taklimat. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam sijil MOF.

2. **Dokumen tender mulai dijual pada 15 Januari 2026 sehingga 22 Januari 2026** dan boleh diperolehi dengan harga di atas dalam bentuk **wang tunai / wang pos / bank draf** atas nama **Ketua Pengarah MARDI** (Cek persendirian / syarikat tidak diterima) semasa **waktu pejabat bermula 9.00 pagi sehingga 4.00 petang di Pusat Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor (Tel: 03-89537119/7123) dan MARDI Seberang Perai (Tel: 04-7711482)** dengan membawa **Sijil Kementerian Kewangan (Asal)** dan **Salinan Sijil-Sijil berkenaan** (yang tidak dikembalikan). Kegagalan berbuat demikian menyebabkan dokumen tender tidak akan dikeluarkan.
3. Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan **ditandatangani** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan **ditulis nombor rujukan tender** di penjuru sebelah kiri sampul berkenaan. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Pusat Pengurusan Kewangan (Aras 1, Blok D4), Ibu Pejabat MARDI, Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor** dan dokumen yang **diposkan** dengan menggunakan **alamat di atas** hendaklah sampai **selewat-lewatnya pada atau sebelum 04 Februari 2026 jam 12.00 tengahari**. **MARDI** tidak bertanggungjawab di atas **kelewatan** dokumen tender yang **diposkan** dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.
4. Petender **wajib hadir** taklimat & lawatan tapak dengan membawa Sijil Pendaftaran Syarikat & Sijil Taraf Bumiputera (jika berkaitan) oleh MOF serta cap syarikat.
5. Iklan tender juga boleh didapati melalui Laman Web MARDI <http://www.mardi.gov.my> dan Laman Web MyProcurement myprocurement.treasury.gov.my

TARIKH IKLAN: 31.12.2025